



UNIT PEMBANGUNAN & HAL EHWAL PELATIH
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Istiadat
KONVOKESYEN
2025

INSTITUT LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ZON SEMENANJUNG

GRADUAN ILKKM BERILMU
PEMANGKIN KESIHATAN MADANI

BUKU PANDUAN



KANDUNGAN

1.	Tarikh, Masa dan Tempat	3
2.	Langkah Pencegahan Kawalan Kendiri & Kesihatan Awam.....	3
3.	Kehadiran	4
4.	Pakaian Akademik Graduan.....	4
5.	Taklimat Dan Pendaftaran	6
6.	Bayaran	7
7.	Pengambilan Jubah	8
8.	Pemulangan Jubah	8
9.	Tetamu Graduan untuk Istiadat Konvokesyen...	9
10.	Pintu Masuk ke Dewan Istiadat Konvokesyen dan Tempat Letak Kereta	9
11.	Penginapan	10
12.	Etika Istiadat Konvokesyen.....	10
13.	Senarai Semak	11

13. SENARAI SEMAK

BIL	SEBELUM KONVOKESYEN	TANDA (√)
1.	Telah siap : <ul style="list-style-type: none"> Membuat pembayaran pakej konvokesyen dan mencetak resit asal pembayaran. 	
2.	Telah menyediakan pakaian untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen seperti yang ditetapkan.	
3.	Telah memaklumkan kepada tetamu (ibu bapa / penjaga) mengenai tatacara pakaian rasmi yang ditetapkan semasa menghadiri Istiadat Konvokesyen.	
4.	Pas masuk tetamu (ibu bapa / penjaga) telah diserahkan kepada tetamu (ibu bapa / penjaga) .	
HARI PENDAFTARAN		TANDA (√)
5.	Pendaftaran di Blok Akademik ILKKM Sultan Azlan Shah <ul style="list-style-type: none"> Slip Pengesahan Kehadiran 	
6.	Pengambilan jubah di Blok Akademik ILKKM Sultan Azlan Shah <ul style="list-style-type: none"> Resit Pembayaran Pakej Konvokesyen 	
HARI PENGANUGERAHAN KONVOKESYEN		TANDA (√)
7.	Perbarisan graduan di laluan pejalan kaki Susur Laluan Bangunan Akademik ke Bangunan Pentadbiran ILKKM SAS, Ipoh	
8.	Penganugerahan konvokesyen di Dewan Seri Perdana ILKKM SAS, Ipoh	
9.	Pemulangan jubah di Bangunan Akademik ILKKM SAS, Ipoh <ul style="list-style-type: none"> Jubah, hood dan mortarboard Borang Pos Gambar dan Kad Foto (diterima selepas turun pentas) 	

11. PENGINAPAN

- 11.1 Tempat penginapan adalah di bawah tanggungan graduan. Pihak penganjur tidak menyediakan sebarang penginapan. Graduan disarankan membuat tempahan hotel **lebih awal** bagi mengelakkan sebarang masalah.

12. ETIKA ISTIADAT KONVOKESYEN

Para graduan dikehendaki mematuhi etika berikut semasa Istiadat Konvokesyen berlangsung :

- 12.1 Perarakan graduan ke dalam Dewan Konvokesyen akan berlangsung selewat-lewatnya setengah jam sebelum istiadat bermula;
- 12.2 Para graduan **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan tempat duduk di dalam dewan semasa Istiadat Konvokesyen berlangsung. Sila ke tandas sebelum perarakan bermula atau pun selepas istiadat berakhir;
- 12.3 **TIDAK DIBENARKAN** mengambil foto atau membuat rakaman audio-video istiadat yang berlangsung, kecuali jurufoto rasmi yang telah dilantik oleh pihak penganjur.
- 12.4 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa masalah berbangkit sekiranya graduan mengambil khidmat daripada juru foto selain yang dilantik oleh pihak penganjur.
- 12.4 Telefon bimbit hendaklah dimatikan atau diletakkan dalam mod senyap. Penggunaan telefon bimbit semasa istiadat berlangsung adalah dilarang sama sekali dan Sila patuhi arahan petugas-petugas acara istiadat.
- 12.5 Semasa menunggu giliran di pintu masuk, Graduan perlu mematuhi penjarakan fizikal dengan mengikut penandaan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen.

1. TARIKH, MASA DAN TEMPAT

ISTIADAT KONVOKESYEN

INSTITUSI LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengadakan Istiadat Konvokesyen ILKKM Zon Semenanjung bagi tahun 2024 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **22 - 25 September 2025**
Masa : **7.00 pagi (Sidang 1,3,5,7)**
1.00 petang (Sidang 2,4,6,8)
Tempat : **Dewan Seri Perdana,**
ILKKM Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak

Google Map : <https://goo.gl/maps/yGSgytKyerjXceYL7>

Graduan boleh menyemak dari semasa ke semasa mengenai sebarang maklumat konvokesyen di laman web rasmi <https://konvoilkkm.com/>

3. KEHADIRAN

Maklumat khas kepada graduan :-

- Semua semakan dan pengesahan maklumat peribadi dan pemilihan zon telah dilaksanakan sehingga **27 Julai 2024**.
- Sekiranya masih terdapat kesilapan atau kesalahan mohon emel maklumat berkaitan ke konvo.iltizammegah@yahoo.com
- Sila membuat pembayaran melalui atas talian di Sistem Pengurusan Konvokesyen (Convocation Management System) di laman sesawang <https://konvoilkkm.com>
- Semua pembayaran hendaklah selesai **sebelum ATAU pada 31 Ogos 2025 (Ahad)**.
- Borang Jawapan Kehadiran melalui sistem hendaklah dilengkapkan dan dihantar pengesahan kehadiran tersebut. Pengesahan kehadiran yang lewat diterima tidak akan dilayan. **(Jika tiada sebarang jawapan diterima, tuan/puan dianggap tidak akan menghadiri istiadat tersebut)**
- Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan mengikut sidang yang telah ditetapkan.
- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mewakili kepada orang lain bagi menghadiri konvokesyen atau menanggung **KECUALI** atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan KKM.

4. PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN

- 4.1 Pakaian Akademik Graduan semasa Istiadat Konvokesyen adalah seperti berikut:

Bil	Graduan	Pakaian
i.	Graduan Diploma Lanjutan	Jubah, hood & mortarboard
ii.	Graduan Pos Basik / Pengkhususan	
iii.	Graduan Diploma	
iv.	Graduan Sijil	

9. TETAMU GRADUAN UNTUK ISTIADAT KONVOKESYEN

- 9.1 Graduan dibenarkan membawa **DUA [2] ORANG** tetamu sahaja ke dalam dewan upacara istiadat. Sila bawa bersama **PAS MASUK** yang akan diberikan pada hari pendaftaran supaya dapat memasuki dewan.
- 9.2 Kanak-kanak **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dewan upacara istiadat.
- 9.3 Fotografi **DILARANG** semasa upacara berlangsung.
- 9.4 Semua graduan dan keluarga dinasihatkan supaya mengambil sarapan pagi / makan tengah hari sebelum istiadat bermula.
- 9.5 Para Tetamu Graduan dipohon agar berpakaian formal dan sopan.
- 9.6 Petugas/Penyambut tetamu berhak untuk tidak membenarkan tetamu/ibu bapa graduan daripada memasuki Dewan jika gagal mematuhi peraturan

10. PINTU MASUK KE DEWAN ISTIADAT KONVOKESYEN DAN TEMPAT LETAK KERETA

- 10.1 Para graduan akan berarak memasuki dewan menggunakan pintu masuk bahagian hadapan **Dewan Perdana ILKKM Sultan Azlan Shah**.
- 10.2 Para jemputan juga hanya boleh menggunakan pintu masuk bahagian hadapan **Dewan Perdana ILKKM Sultan Azlan Shah**.
- 10.3 Tempat letak kereta adalah di luar kawasan **Dewan Perdana ILKKM Sultan Azlan Shah**.

7. PENGAMBILAN JUBAH

- 7.1 Para graduan boleh mendapatkan jubah di Kaunter Pendaftaran Istiadat Konvokesyen semasa mendaftarkan diri pada tarikh dan masa mengikut jadual seperti di **Halaman 6**.
- 7.2 Para graduan **MESTI** mengambil jubah mengikut jadual yang dinyatakan
- 7.3 Wakil dibenarkan untuk mengambil jubah bagi pihak graduan dengan syarat wakil mesti membawa **Slip Pengesahan Kehadiran** bagi tujuan semakkan.
- 7.4 Para graduan **TIDAK** dibenarkan membuat sebarang pindaan kepada saiz jubah yang telah diambil;
- 7.5 Sebelum meninggalkan Kaunter Pengambilan Jubah, graduan perlu memastikan mendapat set jubah (berdasarkan disiplin) yang betul dan dalam keadaan baik;
- 7.6 Para graduan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan jubah;
- 7.7 Para graduan **MESTI** menggunakan jubah dan mematuhi kod pakaian yang dinyatakan dalam perkara **4.2**

8. PEMULANGAN JUBAH

- 8.1 Jubah perlu dipulangkan ke kaunter pemulangan jubah **kepada pihak yang dilantik sahaja** selewat-lewatnya **3 jam selepas tamat majlis** pada hari penerimaan sijil/diploma di **Blok Akademik, ILKKM Sultan Azlan Shah** (*Graduan diminta membawa set jubah yang lengkap berserta **KAD FOTO** yang diterima sewaktu menuruni pentas*)
- 8.2 Deposit Jubah RM100.00 tidak akan dikembalikan jika jubah tidak dipulangkan kepada pihak pembekal yang dilantik mengikut masa yang telah ditetapkan.
- 8.3 Deposit RM100.00 tidak akan dikembalikan sekiranya jubah didapati rosak semasa pemulangan.

4.2 **Kod Pakaian** yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

<p>Graduan Wanita</p>	<p>i. Pakaian formal – perlu bersesuaian dengan protokol istiadat. Contoh: baju kurung atau kebaya labuh. Kain Lace berlining dibenarkan. (sopan, kemas dan menampilkan perwatakan menarik, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berleungan panjang dan sekiranya memakai skirt hendaklah melepasi paras lutut).</p> <p>ii. Graduan beragama Islam hendaklah menutup aurat dengan memakai tudung berwarna bersesuaian. Bagi yang bukan Islam, rambut disisir rapi, kemas dan tidak diwarnakan. Niqap/Purdah TIDAK DIBENARKAN.</p> <p>iii. Kasut bertutup penuh dan bertumit lebar serta tidak terlalu tinggi, menutupi dari bahagian hadapan kaki hingga ke tumit kaki (<i>court shoes / kasut bertutup</i>), berwarna hitam / gelap yang bersesuaian. (Kasut sukan, selipar dan sandal tidak dibenarkan.)</p> <p>iv. Sekiranya memakai sarung tangan, sila pastikan ianya dipakai kedua-dua belah tangan. Warna sarung tangan yang dibenarkan adalah hitam atau warna kulit.</p>
<p>Graduan Lelaki</p>	<p>i. <i>Lounge Suit</i> berwarna gelap ATAU kemeja polos (plain) lengan panjang berwarna terang. Untuk keseragaman, graduan DIWAJIBKAN memakai tali leher dan slek hitam atau blazer hitam</p> <p>ii. Rambut graduan lelaki hendaklah pendek dan kemas, tidak mencecah kolar baju, TIDAK DIBENARKAN memakai subang</p> <p>iii. Kasut berwarna hitam/gelap yang bersesuaian serta stoking warna hitam/gelap. (Kasut sukan, selipar, sandal dan kasut getah TIDAK DIBENARKAN).</p>

Graduan WAJIB mematuhi etika berpakaian yang ditetapkan. Pihak urusetia berhak menghalang mana-mana graduan memasuki dewan konvokesyen sekiranya LEWAT atau TIDAK MEMATUHI ETIKA BERPAKAIAN tersebut.

5. PENDAFTARAN

- 5.1 Bagi memastikan Istiadat Konvokesyen berjalan lancar, para Graduan yang akan menghadiri Istiadat Konvokesyen diwajibkan mengikuti sesi pendaftaran dan pengambilan jubah pada tarikh dan masa seperti ketetapan jadual dibawah.
- 5.2 **Peringatan penting:** Kehadiran ke pendaftaran dan pengambilan jubah adalah **WAJIB**.
- 5.3 Pakaian semasa pendaftaran mestilah kemas dan bersesuaian. Graduan adalah disarankan berpakaian “smart casual”. **TIDAK DIBENARKAN** memakai skirt singkat, kemeja-t leher bulat, pakaian sukan, seluar “jeans”, kasut mendedahkan kaki, kasut sukan, selipar atau sandal.
- 5.4 Para graduan perlu membuat pendaftaran dahulu sebelum mengambil jubah.
- 5.5 **Sesi pendaftaran dan taklimat** Istiadat Konvokesyen adalah seperti berikut :

TARIKH ISTIADAT KONVOKESYEN	TARIKH DAN MASA PENDAFTARAN	
22 September 2025	17, 18, 19, & 20 September 2025	10.00 pagi – 5.00 petang
23 September 2025		10.00 pagi – 5.00 petang
24 September 2025		10.00 pagi – 5.00 petang
25 September 2025		10.00 pagi – 5.00 petang

5.6

Tempat Pendaftaran dan Pengambilan Jubah :

**Bangunan Akademik
ILKMM Sultan Azlan Shah
31250 Tanjung Rambutan Perak.**

6. BAYARAN

- 6.1 Bayaran yuran Istiadat Konvokesyen Zon Semenanjung adalah:

Graduan	Jumlah Bayaran
Graduan Sijil/ Diploma/ Diploma Lanjutan	RM 395.00 (Termasuk RM100 Deposit Jubah)

- 6.2 Bayaran perlu dibuat kepada akaun pembekal di dalam Sistem Pengurusan Konvokesyen (Convocation Management System) di laman sesawang <https://konvoilkkm.com> seperti berikut:

**Nama : Iltizam Megah Sdn Bhd,
Bank & No. Akaun : RHB Bank (21231200073717)**

****Pembayaran hendaklah dibuat secara “Transfer Online” menggunakan Kaedah “Instant Transfer” atau pembayaran di kaunter bank sahaja.*

- a) **Bukti pembayaran** hendaklah dimuat naik di Sistem Pengurusan Konvokesyen (Convocation Management System) semasa anda mengesahkan kehadiran.
- b) **Slip pengesahan kehadiran** perlu dibawa bersama pada hari pendaftaran.
- 6.3 **Jubah hanya akan dibekalkan jika bayaran penuh termasuk deposit telah dibayar.**
- 6.4 **Resit asal pembayaran** perlu dibawa bersama pada hari taklimat dan serahkan kepada pembekal untuk tujuan pengambilan jubah.
- 6.5 **Deposit akan dikembalikan** pada graduan melalui “**Bank Transfer**” selewat-lewatnya satu bulan dari tarikh konvokesyen. Sila pastikan anda memasukkan **nama bank dan no akaun yang betul** apabila anda mengemaskini butiran semasa pendaftaran Online.
- 6.6 Sekiranya graduan tidak hadir selepas pembayaran dibuat atas sebarang alasan / masalah, pihak pembekal hanya **memulangkan Deposit Jubah Sahaja** bagi tujuan tuntutan bayaran balik.